

NO. SOALAN: 43

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ  
[SUNGAI SIPUT]**

**TARIKH : 20 NOVEMBER 2017**

**RUJUKAN : 10350**

**SOALAN:**

PR-1353-L03098

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan skop dan tujuan sistem *Tracking Refugees Information System* (TRIS) dalam pengendalian pekerja asing di Malaysia. Apakah jumlah yang dibayar pada pihak swasta yang ditugaskan dengan pelaksanaan TRIS.

93

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 20 Julai 2016 telah bersetuju supaya pengumpulan maklumat biometrik ke atas semua pemegang kad *United Nations High Commissioner for Refugees* (UNHCR) dilaksanakan bagi tujuan pemantauan dan penguatkuasaan oleh pihak berkuasa Malaysia.

Susulan daripada itu, program pengumpulan maklumat biometrik dan pendaftaran ke atas pemegang kad UNHCR secara *Proof of Concept* (POC) melalui *Tracking Refugees Information System* (TRIS) telah dilaksanakan dari 1 April hingga 30 September 2017.

Skop pelaksanaan TRIS terbahagi antaranya kepada elemen-elemen utama seperti berikut:

- i) pelaksanaan pendaftaran dan pengemaskinian data ke atas semua pemegang kad UNHCR; dan
- ii) penyediaan Kad Identiti Khas (MyRC) bagi semua pemegang kad UNHCR yang didaftarkan di bawah program ini mengandungi maklumat peribadi dan biometrik yang dimasukkan dalam pangkalan data bagi tujuan pemantauan.

Semua maklumat terperinci mengenai pemohon suaka di Malaysia berada dalam pangkalan data UNHCR. Ketiadaan maklumat ini

menyukarkan pihak berkuasa untuk melaksanakan pemantauan dan kawalan kerana perlu bergantung sepenuhnya kepada data UNHCR. Mengambil kira situasi semasa melibatkan kes ekstremis, keganasan dan jenayah rentas sempadan, wujud keperluan mendesak supaya Kerajaan mempunyai kaedah pengurusan pemohon suaka yang komprehensif antaranya melalui pengumpulan maklumat biometrik.

Walaupun Malaysia bukan negara pihak kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol Mengenai Status Pelarian 1967, Kerajaan atas dasar kemanusiaan telah memberikan kebenaran kepada Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang memegang Kad UNHCR untuk tinggal sementara di Malaysia sebelum ditempatkan semula ke Negara Ketiga. Dasar Negara mengenai perkara ini adalah berasaskan "satu kes ke satu kes" (*case-to-case basis*).